

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[MERBOK]**

**TARIKH : 20 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 62**

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian berkenaan laporan dalam "*Executive Review Committee Report*" pada muka surat 79 – 81 yang menyatakan melalui stesyen pengawasan air bawah tanah berlakunya pencemaran air bawah tanah di sekitar kawasan simpanan sisa Lynas semenjak tahun 2015.

**JAWAPAN**

1. Selaras dengan syor Laporan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant (LAMP), pemantauan secara berkala terhadap kualiti air tanah dijalankan di sekitar kawasan premis. Analisa pemantauan kualiti air bawah tanah yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pahang pada 21 November 2018 mencatatkan bacaan parameter *iron* (Fe), *manganese* (Mn), *Chloride* (Cl), *Total Dissolved Solid* (TDS) dan *hardness* (CaCO<sub>3</sub>) melebihi standard yang ditetapkan di bawah Garis Panduan Kualiti Air Minuman Mentah Kebangsaan (2000) yang diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
2. Oleh itu, pihak JAS telah mengeluarkan Notis Arahan pada 12 Disember 2019 di bawah Seksyen 31 (1) (e) dan Seksyen 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 kepada Lynas Malaysia Sdn. Bhd.
3. Pemantauan kualiti air bawah tanah melalui persampelan akan diteruskan oleh pihak JAS secara berkala. Untuk makluman Dewan, sampel terkini telah diambil pada 6 Mac 2019 dan sedang dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia.

Sekian, terima kasih.